

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 10/2017 :

PERKHIDMATAN MENKKAJI, MEREKABENTUK, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERISIAN
DAN APLIKASI SME CENTRAL INCENTIVES SYSTEM (SCenIc)

OBJEKTIF

- 1.1 Mewujudkan satu pangkalan data pemohon bantuan Kerajaan merangkumi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), usahawan dan individu serta sumber rujukan utama Kementerian dan Agensi;
- 1.2 Mengurus maklumat syarikat secara elektronik dan berasaskan web bagi membantu mempercepatkan aliran kerja dalaman dan luaran yang berkaitan; dan
- 1.3 Menjana laporan dan statistik secara automatik, *real-time*, mudah dan cepat bagi meningkatkan kecekapan proses pemantauan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada tahun 2009, SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) telah dilantik sebagai Agensi Penyelaras Pusat (CCA) untuk keseluruhan pembangunan PKS di Malaysia. Sebagai CCA, SME Corp. Malaysia telah ditugaskan untuk menambahbaik dan memperkemaskan penyelarasan serta pengumpulan data untuk program-program pembangunan PKS.
- 2.2 SME Corp. Malaysia menyedari keperluan untuk membangunkan pangkalan data yang komprehensif untuk membolehkan penilaian dan pemantauan bantuan yang diberikan oleh Kementerian dan Agensi. Analisa ini akan membantu Kerajaan untuk lebih fokus dalam memberi bantuan secara holistik berdasarkan keperluan sebenar PKS. Pada masa yang sama, Kerajaan dapat menyediakan pendekatan polisi berasaskan-bukti (*evidence-based policy*).
- 2.3 Pada 25 Julai 2016 melalui Mesyuarat Majlis Ekonomi, Perdana Menteri telah memberi mandat supaya SCenIc digunakan oleh semua Kementerian dan Agensi sebagai mekanisma untuk mengelakkan pertindihan pemberian bantuan kepada PKS dan usahawan.
- 2.4 SCenIc akan menjadi pusat pengumpulan data penerima bantuan Kerajaan bagi 16 Kementerian dan lebih 60 Agensi serta akan menjadi sumber rujukan tunggal

pangkalan data bersepadu yang diakses oleh semua Kementerian dan Agensi.

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau <input type="checkbox"/>)
SEKSYEN 1: SYARAT-SYARAT AM MANDATORI			
1.1	SKOP KERJA		
1.1.1	Penyebutharga MESTI mengkaji, merekabentuk, membangun, membekal, menguji dan mentauliah SCenlc.		
1.1.2	Penyebutharga MESTI menjalankan kajian, analisa keperluan sistem dan rekabentuk sistem secara terperinci berpandukan spesifikasi yang dinyatakan.		
1.1.3	Penyebutharga MESTI memastikan SCenlc yang akan dibangunkan boleh berfungsi dengan lancar menggunakan perkakasan dan perisian sedia ada serta yang dibekalkan.		
1.1.4	Penyebutharga MESTI memperbaiki ralat yang wujud di dalam sistem setelah dilaksanakan dan bersetuju ke lokasi pengguna semasa tempoh jaminan.		
1.1.5	Penyebutharga MESTI membekalkan kemahiran teknikal, nasihat, cadangan, laporan, garis panduan dan aliran kerja untuk projek mengikut keperluan ICT di dalam persekitaran yang dinamik pada SME Corp. Malaysia.		
1.2	DOKUMEN CADANGAN KONSEP SISTEM		
1.2.1	Penyebutharga MESTI menyediakan cadangan konsep sistem aplikasi termasuk senibina sistem yang mengambil kira kebolehsediaan (<i>availability</i>) yang tinggi, keselamatan sistem yang mantap dan berprestasi tinggi serta <i>customer focus</i> .		
1.3	JADUAL PELAKSANAAN		
1.3.1	Tempoh pelaksanaan projek adalah selama enam (6) bulan daripada surat setuju terima. Penyebutharga hendaklah mencadangkan aktiviti-aktiviti yang terlibat dan masa yang akan diambil menggunakan format Carta Gantt.		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
1.3.2	Penyebutharga MESTI bersedia untuk membuat sebarang perubahan ke atas sistem seperti yang dikehendaki oleh SME Corp. Malaysia sepanjang tempoh pembangunan sistem tanpa sebarang penambahan kos.		
1.4	PENGURUSAN PROJEK		
1.4.1	Penyebutharga MESTI mengemukakan cadangan pasukan untuk tujuan melaksanakan projek ini dengan menyatakan bilangan tenaga kerja, bidang tugas dan pengalaman masing-masing sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di dalam bidang yang terlibat. Kelayakan dan kemahiran staf yang terlibat mestilah disokong oleh sijil yang sah. Sila sertakan resume setiap anggota pasukan projek yang dicadangkan.		
1.4.2	Pasukan projek yang terlibat mestilah bekerja secara langsung dengan kakitangan SME Corp. Malaysia.		
1.4.3	Penyebutharga MESTI melaporkan kemajuan projek kepada pihak SME Corp. Malaysia semasa mesyuarat kemajuan / status projek berdasarkan keperluan.		
1.5	JAMINAN DAN SOKONGAN		
1.5.1	Penyebutharga MESTI menyediakan khidmat penyelenggaraan, sokongan dan jaminan (<i>warranty</i>) terhadap perisian sistem dalam tempoh satu tahun bermula dari tarikh Penerimaan Akhir (<i>Final Acceptance</i>).		
1.5.2	Penyebutharga MESTI memberi sokongan teknikal dan baikpulih secara berterusan kepada SME Corp. Malaysia setiap hari bekerja dalam tempoh jaminan (Isnin sehingga Jumaat), sekurang-kurangnya dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang) tanpa sebarang kos tambahan.		
1.5.3	Penyebutharga MESTI mempunyai Pusat Perkhidmatan Pelanggan (<i>Helpdesk</i>) di Lembah Klang yang boleh dihubungi melalui telefon dan e-mel untuk sebarang aduan kerosakan. <i>Helpdesk</i> hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 8.30 pg – 5.30 ptg waktu bekerja.		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
1.6	PENGUJIAN SISTEM		
1.6.1	<p>Penyebutharga MESTI melaksanakan kaedah pengujian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>User Acceptance Test</i> (UAT); ii. <i>Provisional Acceptance Test</i> (PAT); dan iii. <i>Final Acceptance Test</i> (FAT). <p>Segala kos semasa pengujian dilaksanakan akan ditanggung oleh penyebutharga.</p>		
1.6.2	<p>Penyebutharga MESTI menyediakan persekitaran pengujian, pelan pengujian, skrip pengujian, set data pengujian dan laporan pengujian yang diperlukan semasa pengujian berdasarkan tarikh yang telah dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia.</p>		
1.6.3	<p>Penyebutharga juga hendaklah memastikan tiada sebarang ralat (<i>error</i>) program dengan menjalankan pengujian sebelum diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.</p>		
1.6.4	<p>Penyebutharga MESTI membuat tindakan pembedahan ke atas semua masalah / kesilapan yang dilaporkan semasa pengujian.</p>		
1.6.5	<p>Kesemua pengujian yang dibuat hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh SME Corp. Malaysia.</p>		
1.7	PEMINDAHAN TEKNOLOGI (ToT) DAN LATIHAN		
1.7.1	<p>Penyebutharga MESTI menyediakan dan melaksanakan program latihan yang berkaitan dengan projek ini kepada para pengguna akhir (<i>end-users</i>) SME Corp. Malaysia iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Latihan kepada pengguna sebanyak 2 sesi (100 orang setiap sesi, <i>venue</i> TBA); ii. Latihan <i>System Administrator</i> (10 orang); dan iii. Latihan teknikal (merangkumi keseluruhan sistem seperti pangkalan data, <i>source code</i> dan <i>framework</i> kepada pegawai teknikal SME Corp. Malaysia yang terlibat (6 orang)). 		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
1.7.2	Semua kos bagi sesi latihan dan ToT pengguna adalah tanggungjawab penyebutharga yang berjaya.		
1.7.3	Latihan dan ToT MESTI daripada tenaga pengajar yang bertauliah. Setiap latihan dan ToT yang disediakan MESTI diberi sijil kehadiran.		
1.8	DOKUMENTASI DAN LAPORAN		
1.8.1	<p>Penyebutharga perlu menyediakan dokumentasi dan laporan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Spesifikasi Keperluan Pengguna (<i>User Requirement Specification - URS</i>); ii. <i>System Functional Specification (SFS)</i>; iii. <i>System Design Specification (SDS)</i>; iv. Manual Pengguna Akhir (mengikut tahap capaian pengguna); v. Manual Pentadbiran Sistem; vi. Dokumentasi <i>User Acceptance Test (UAT)</i>; vii. Dokumentasi <i>Provisional Acceptance Test (PAT)</i>; viii. Dokumentasi <i>Final Acceptance Test (FAT)</i>; ix. Sijil <i>Final Acceptance</i>; x. Kamus data (<i>Data Dictionary</i>); xi. Laporan status projek; xii. Minit mesyuarat; dan xiii. Lain-lain dokumentasi yang berkaitan bagi sistem ini. 		
1.8.2	Semua dokumentasi akan menjadi Hak Milik Kerajaan (SME Corp. Malaysia) dan MESTI diserahkan kepada SME Corp. Malaysia dalam bentuk dan format asal yang dipersetujui. Satu (1) salinan <i>hardcopy</i> dan satu (1) salinan <i>editable softcopy</i> .		
1.8.3	Dokumentasi MESTI disahkan oleh pihak SME Corp. Malaysia sebelum diserahkan.		
SEKSYEN 2: SPESIFIKASI SISTEM APLIKASI			

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
2.1	KEPERLUAN AM		
2.1.1	Penyebutharga perlu memastikan sistem yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti <i>validation check</i> , tahap capaian pengguna kepada modul-modul tertentu berdasarkan kata nama dan kata laluan, menghalang pengemaskinian rekod yang sama oleh dua (2) atau lebih pengguna, memastikan kata nama dan kata laluan yang sama tidak boleh digunakan oleh dua (2) atau lebih pengguna dalam satu masa yang sama, <i>audit trail</i> dan lain-lain bagi memastikan integriti sistem.		
2.1.2	Sistem yang dibangunkan hendaklah memasukkan elemen-elemen <i>secured programming</i> di dalam pembangunan sistem.		
2.1.3	Penyebutharga perlu <i>encrypt</i> kata laluan pengguna dalam sistem.		
2.1.4	Melaksana <i>expiry session</i> sekiranya sistem dibiarkan / tidak digunakan pada jangka masa tertentu yang akan ditetapkan semasa sesi URS.		
2.1.5	<p><i>Login dan Logout</i></p> <p>Pengguna yang berdaftar sahaja boleh <i>login</i> ke dalam sistem dengan memasukkan kata nama dan kata laluan, Akses kepada sistem adalah mengikut tahap capaian yang dibenarkan bagi pengguna tersebut.</p> <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan kata nama dan kata laluan yang sama tidak boleh digunakan oleh dua (2) atau lebih pengguna dalam satu masa yang sama; ii. Pengguna boleh <i>reset</i> katalaluan; dan iii. Mengadakan kemudahan bagi pengguna sekiranya pengguna lupa <i>user id</i> / katalaluan, dan sistem akan jana notifikasi emel secara automatik kepada pengguna untuk makluman. 		
2.1.6	<p>Akses kepada Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem mempunyai keupayaan untuk 		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila ✓ atau x)
	<p>membolehkan carian cepat;</p> <p>ii. Sistem mempunyai keupayaan untuk mempunyai fungsi carian terperinci. Contoh: <i>Filter, Keyword, dropdownlist, begin with</i> dan <i>end with</i>;</p> <p>iii. Sistem mempunyai keupayaan untuk menyediakan hasil carian dalam senarai dan diletakkan berdasarkan relevan;</p> <p>iv. Sistem mempunyai keupayaan untuk memaparkan keputusan carian mengikut susunan abjad secara menaik atau menurun; dan</p> <p>v. Sistem mempunyai keupayaan untuk membolehkan fungsi <i>Wild Card</i> semasa carian.</p>		
2.1.7	<p>Pemberitahuan (<i>Notification</i>), Peringatan (<i>Reminder</i>) dan Amaran (<i>Alert</i>)</p> <p>i. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar email kepada pengguna bagi tujuan pemberitahuan, peringatan dan amaran;</p> <p>ii. Sistem mempunyai keupayaan untuk konfigurasi mesej-mesej yang diperlukan berdasarkan tujuan yang dinyatakan di atas;</p> <p>iii. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar mesej secara manual atau automatik berdasarkan prasyarat yang ditetapkan bagi fungsi automatik; dan</p> <p>iv. Sistem mempunyai keupayaan untuk menghantar mesej berdasarkan jadual yang dikonfigurasi oleh pengguna sistem.</p>		
2.1.8	<p>Penyebutharga MESTI menggunakan struktur pangkalan data mengikut piawaian <i>Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)</i> yang diselenggarakan oleh MAMPU. Rujukan di url: http://sddsa.mampu.gov.my/</p>		
2.1.9	<p>Penyebutharga MESTI membangunkan sistem aplikasi yang <i>compatible</i> dalam pelbagai jenis pelayar (<i>browser</i>) utama iaitu IE, Mozilla, Chrome, Safari dan <i>mobile responsive</i>.</p>		
2.1.10	<p>SME Corp. Malaysia juga berhak untuk menambah</p>		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila ✓ atau x)
	komponen / subkomponen yang dinyatakan di atas dengan tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada SME Corp. Malaysia. Pertambahan komponen / subkomponen ini boleh dibuat oleh SME Corp. Malaysia semasa pembangunan SCenlc.		
2.2	PERKHIDMATAN MEMBEKAL SECURE SOCKET LAYER (SSL)		
2.2.1	Penyebutharga MESTI membekalkan sijil <i>Digital Certificate</i> untuk kegunaan SSL. Penyebutharga mestilah membekalkan sijil <i>Digital Certificate</i> yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).		
2.2.2	Sistem perlu menggunakan https <i>Secure Socket Layer</i> (SSL) URL dan mencadangkan <i>Digital Certificate</i> yang bersesuaian.		
2.3	PERKHIDMATAN MIGRASI DATA		
2.3.1	Penyebutharga MESTI melakukan kerja-kerja migrasi data berkaitan yang sedia ada seperti maklumat profil syarikat dan insentif dalam bentuk excel atau lain format ke dalam pangkalan data SCenlc.		
2.3.2	Penyebutharga MESTI menyediakan antaramuka kemaskini maklumat tambahan atau kekangan data migrasi sebelum di pindahkan ke pangkalan data SCenlc.		
2.3.2	Penyebutharga MESTI mendapatkan pengesahan kesahihan bagi kerja-kerja pembersihan data (integriti data).		
2.3.4	Penyebutharga MESTI menyediakan Laporan Akhir Migrasi Data.		
2.4	FUNGSI SISTEM YANG TERLIBAT		
2.4.1	Penyebutharga perlu membangunkan modul <i>admin</i> seperti berikut: i. Dashboard ii. Pengurusan <i>Master Setup</i> untuk penggunaan		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila ✓ atau x)
	<p>Scenlc;</p> <p>iii. Pengurusan akaun pengguna (<i>unlimited user account</i>) dan hak capaian mengikut kumpulan pengguna dan / atau akaun pengguna;</p> <p>iv. <i>Audit trail</i>;</p> <p>v. <i>User access log</i>;</p> <p>vi. Pengurusan profil PKS dan individu – maklumat lengkap syarikat termasuk maklumat pemegang saham;</p> <p>vii. Pengurusan profil Institusi / Persatuan / Kelab / Koperasi;</p> <p>viii. Pengurusan maklumat insentif;</p> <p>ix. Pengurusan profil Kementerian dan Agensi;</p> <p>x. Modul Laporan dan Analisa;</p> <p>xi. Modul pengurusan data Kementerian dan Agensi, dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai kemasukan data oleh Kementerian dan Agensi; dan • Pemantauan status kemasukan data Kementerian dan Agensi. <p>xii. Modul Helpdesk – merekod dan pengurusan masalah teknikal sistem yang dilaporkan pengguna.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian.)</p>		
2.4.2	<p>Penyebutharga perlu membangunkan modul pengguna seperti berikut:</p> <p>i. <i>Dashboard</i>;</p> <p>ii. <i>User Workspace</i>; (Perincian fungsi dinyatakan);</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai syarikat di bawah Kementerian / Agensi terbabit dengan fungsi carian dan boleh memaparkan profil lengkap syarikat termasuk pemegang saham, insentif yang diterima dan maklumat SCORE dan lain-lain maklumat berkaitan. 		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
	<p>iii. Insentif (Perincian fungsi dinyatakan); dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai insentif di bawah Kementerian / Agensi terlibat dengan fungsi carian dan boleh memaparkan maklumat lengkap berkenaan insentif berkaitan <p>iv. Modul Semakan Penerima Bantuan Kerajaan;</p> <p>v. Fungsi carian Penerima Bantuan Kerajaan dan boleh memaparkan profil lengkap syarikat termasuk insentif yang diterima / dipohon dan maklumat SCORE;</p> <p>vi. Carian adalah berdasarkan no kad pengenalan pemegang saham / pemilik, nama pemegang saham / pemilik, nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat;</p> <p>vii. <i>User Management</i>;</p> <p>viii. Modul kemasukan data penerima bantuan kerajaan;</p> <p>ix. Modul Laporan (Laporan yang diperlukan perlu dinyatakan);</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan penerima bantuan mengikut insentif dan tahun <p>x. Modul <i>Online Help</i>; dan</p> <p>xi. Modul <i>Helpdesk</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengguna boleh menghantar laporan masalah teknikal sistem kepada Admin secara <i>online</i>. <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang Modul mengikut kesesuaian.)</p>		
2.4.3	Penyebutharga perlu membangunkan modul untuk membuat pengurusan profil Individu penerima insentif.		
2.4.4	Penyebutharga perlu membangunkan modul untuk Kementerian dan Agensi memuat naik data penerima / pemohon bantuan kerajaan melalui format Excel templat yang ditetapkan. Modul ini juga perlu dilengkapi dengan fungsi verifikasi dan penerbitan (<i>publish</i>) data bagi perkongsian kepada pengguna yang lain. Pemberitahuan melalui email selepas kemasukan data oleh Kementerian dan Agensi kepada Admin SME Corp.		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
	Malaysia.		
2.4.5	Penyebutharga perlu membangunkan modul <i>Online Help</i> sebagai panduan pengguna semasa menggunakan sistem.		
2.4.6	Penyebutharga perlu membangunkan modul <i>Helpdesk System</i> bagi tujuan laporan sebarang masalah yang dihadapi oleh pengguna sistem kepada pentadbir sistem.		
2.4.7	Penyebutharga perlu membangunkan fungsi untuk merekod log bagi setiap aktiviti yang dilakukan oleh pengguna untuk pemantauan oleh <i>Admin</i> .		
2.4.8	<p>Penyebutharga perlu mewujudkan integrasi dalaman di antara SCenlc dengan sistem sedia ada (Pelan Tindakan Bersepadu PKS - SMEIPA, <i>SME Competitiveness Rating for Enhancement</i> - SCORE dan Sistem Maklumat Industri Kecil & Sederhana - SMIKS).</p> <ul style="list-style-type: none"> i. SMEIPA – integrasi secara berjadual dan automatik (1 hala) bagi mendapatkan senarai insentif kerajaan ke dalam SCenlc; ii. SMIKS – integrasi secara berjadual dan automatik (1 hala) bagi mendapatkan maklumat profil syarikat ke dalam SCenlc; dan iii. SCORE – integrasi secara berjadual dan automatik (1 hala) bagi mendapatkan maklumat SCORE syarikat ke dalam SCenlc. 		
2.5	DASHBOARD		
2.5.1	Penyebutharga MESTI membangunkan fungsi <i>Dashboard</i> yang akan berfungsi sebagai halaman utama untuk pengguna, dimana rumusan kepada maklumat PKS.		
2.5.2	<p>Penyebutharga juga MESTI menyediakan contoh skrin <i>dashboard</i> yang akan di bangunkan. Ciri-ciri yang perlu ada pada <i>dashboard</i> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesra pengguna; ii. Interaktif; 		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
	<ul style="list-style-type: none"> iii. Persembahan yang menarik; iv. Mudah diakses; dan v. Berkeupayaan untuk <i>drill-down</i>. 		
2.5.3	Walau bagaimanapun keseluruhan komponen akan ditetapkan semasa sesi URS.		
2.6	LAPORAN DAN ANALISA		
2.6.1	Penyebutharga MESTI membangunkan komponen Laporan yang akan berfungsi untuk memberi kemudahan kepada pengguna sistem dalam penghasilan dan penjana laporan dan paparan.		
2.6.2	Jenis / format laporan mampu dihasilkan sama ada dalam bentuk jadual, statistik, rajah (seperti bar, pie, line dan lain-lain) dan gabungan kedua-duanya.		
2.6.3	<p>Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam penghasilan modul ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersifat dinamik yang memudahkan pengguna menghasilkan sesuatu laporan mengikut keperluan pengguna; ii. Laporan yang dijana juga mudah untuk kerja-kerja peningkatan dan penambahan pada masa akan datang; iii. Laporan yang dihasilkan berupaya untuk dimuat turun kepada format yang bersesuaian; iv. Laporan yang dihasilkan berupaya untuk dicetak melalui fungsi <i>Printer-friendly</i>; dan v. Mempunyai kemudahan <i>drill-down</i> dalam penghasilan laporan. 		
2.6.4	<p>Laporan dan analisa yang diperlukan adaah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan tahunan produktiviti, jualan dan pasaran syarikat; ii. Senarai program yang ditawarkan oleh Kementerian dan Agensi; iii. Laporan senarai penerima bantuan kerajaan 		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
	<p>mengikut kategori Kementerian dan Agensi, geografi, jenis, status dan lain-lain berkaitan; dan</p> <p>iv. Laporan kemasukan data oleh Kementerian dan Agensi.</p> <p>(SME Corp. Malaysia berhak menambah / mengubah sebarang laporan / analisa mengikut kesesuaian.)</p>		
2.6.5	Walau bagaimanapun keseluruhan laporan akan di tetapkan semasa sesi URS.		
SEKSYEN 3: SENIBINA SISTEM DAN PLATFORM PEMBANGUNAN			
3.1	SENIBINA SISTEM		
3.1.1	Sistem yang dibangunkan mestilah berasaskan web menggunakan konsep dan perisian <i>Open Source</i> (perisian adalah atas cadangan penyebutharga, tetapi keutamaan akan diberikan kepada penyebutharga yang mencadangkan <i>Framework Code Ignitor</i> dan mestilah serasi dengan perkakasan dan perisian sedia ada di SME Corp. Malaysia).		
3.1.2	Penyebutharga MESTI membina sistem yang menyokong akses melalui telefon pintar (<i>mobile responsive</i>) serta tidak terhad kepada platform Android dan iOS.		
3.2	PLATFORM PEMBANGUNAN		
3.2.1	Penyebutharga MESTI memastikan semua protokol yang digunakan di dalam pembangunan sistem adalah secara open standard bagi memastikan <i>interoperability</i> .		
3.2.2	Penyebutharga MESTI menggunakan pelayan (<i>server</i>) aplikasi, pelayan penguji dan pelayan pangkalan data sedia ada yang terdapat di SME Corp. Malaysia.		
SEKSYEN 4: LAIN-LAIN PERKARA / TANGGUNGJAWAB			
4.1	Sekiranya perisian atau perkhidmatan yang dinyatakan di atas tidak mencukupi / memenuhi (<i>insufficient</i>) keperluan projek, penyebutharga MESTI membekalkan perisian dan perkhidmatan tambahan yang sewajarnya		

BIL	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN (Mesti Nyatakan Secara Terperinci)	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)
	mengikut kesesuaian (<i>deem necessary</i>) tanpa melibatkan sebarang kos untuk memastikan pelaksanaan projek berjaya.		
4.2	Penyebutharga perlu memastikan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian, pembangunan, pengujian, pelaksanaan sistem, ToT dan latihan pengguna sistem akan menjadi Hak Milik Kerajaan dan MESTI diserahkan kepada SME Corp. Malaysia dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> .		
4.3	Penyebutharga perlu memastikan kod program (source code) MESTI disahkan oleh pihak SME Corp. Malaysia sebelum diserahkan dalam bentuk <i>readable (non-encrypted)</i> dan dalam medium yang akan dipersetujui.		
4.4	Semua data dan material di dalam projek ini adalah Hak Milik Kerajaan.		

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :